



**SIARAN AKHBAR**

**JERAYAWARA KESEDARAN KEWANGAN  
BERSEMPENA DENGAN HARI MENABUNG KEBANGSAAN 2019  
UNIVERSITI BRUNEI DARUSSALAM**

**HARI ISNIN, 3 ZULHIJJAH 1440H BERSAMAAN DENGAN 5 OGOS 2019M**

1. Autoriti Monetari Brunei Darussalam (AMBD), dengan kerjasama Tabung Amanah Pekerja (TAP), Kementerian Kewangan dan Ekonomi (MOFE), Kementerian Pendidikan (MOE), Junior Achievement (JA) Brunei dan beberapa institusi-institusi kewangan telah menganjurkan Jerayawara Kesedaran Kewangan yang kelima dan terakhir sempena Hari Menabung Kebangsaan 2019 di Universiti Brunei Darussalam (UBD) pada hari Isnin, 3 Zulhijjah 1440H bersamaan dengan 5 Ogos 2019M.
2. Hadir selaku Tetamu-tetamu Kehormat di jerayawara tersebut ialah Yang Berhormat Dayang Siti Rozaimeryanty binti Dato Seri Laila Jasa Hj Abd Rahman, Ahli Majlis Mesyuarat Negara dan Yang Berhormat Awang Haji Abdul Wahab bin Apong, Ahli Majlis Mesyuarat Negara dan Penghulu Mukim Tanjong Maya. Turut hadir di majlis tersebut ialah Yang Mulia Dayang Hajah Rubiah binti Haji Yacub, Penolong Naib Canselor UBD (Korporat dan Pentadbiran), serta pegawai-pegawai kanan dari AMBD, TAP, dan UBD.
3. Jerayawara Kesedaran Kewangan tersebut bertujuan untuk melengkapkan mahasiswa-mahasiswa universiti dengan kemahiran pengurusan kewangan sebelum beralih ke alam pekerjaan sambil memupuk gaya hidup kewangan yang sihat.
4. Seramai lebih kurang 550 penuntut daripada beberapa universiti serta institut pengajian tinggi tempatan telah menyertai aktiviti-aktiviti interaktif yang memberi pengenalan kepada konsep-konsep pengurusan kewangan yang antaralainnya termasuk menabung, pelaburan, takaful dan insurans dan perancangan persaraan. Aktiviti-aktiviti ini telah dikendalikan oleh AMBD, Tabung Amanah Pekerja (TAP), Jabatan Perancangan dan Kemajuan Ekonomi (JPKE), Pusat Perbankan Islam, Kewangan dan Pengurusan (CIBFM), Persatuan Perancang Kewangan Brunei Darussalam (FPAB) dan Junior Achievement (JA) Brunei serta institusi-institusi kewangan yang ikut serta.
5. Acara kemuncak bagi Hari Menabung Kebangsaan 2019 adalah *Financial Fun Fair* yang akan diadakan di Jerudong Park Colonnade pada hari Sabtu, 17 Ogos 2019 dan pada hari Ahad, 18 Ogos 2019. Pelbagai program dan aktiviti untuk seisi keluarga akan diadakan semasa acara itu nanti.
6. Untuk maklumat lanjut mengenai Hari Menabung Kebangsaan 2019, orang ramai bolehlah melayari laman web AMBD di [www.ambd.gov.bn](http://www.ambd.gov.bn), atau memuat turun aplikasi mudah alih AMBD melalui 'App Store' atau 'Google PlayStore', atau mengikuti akaun Instagram AMBD di @autoriti\_monetari.

**FOR IMMEDIATE RELEASE**

Date: 3 Zulhijjah 1440H/ 5 Ogos 2019M  
Ref: AMBD/COMMS/3